

1	Sejarah kerajaan awal di Asia Tenggara dibahagikan kepada dua bahagian. Apakah kerajaan-kerajaan tersebut? (32)
	A Kerajaan Chih-tu dan Champa.
	B Kerajaan Srivijaya dan Majapahit
	C Kerajaan Angkor dan Funan
	D Kerajaan Agraria dan maritim
2	Kerajaan Agraria terdiri daripada dua buah kerajaan yang utama. Apakah nama kerajaan-kerajaan tersebut? (32)
	A Kerajaan Angkor dan Funan
	B Kerajaan Majapahit dan Srivijaya
	C Kerajaan Champa dan Angkor
	D Kerajaan Kedah Tua dan Chih-tu
3	Maklumat berikut berkenaan dengan kerajaan awal di Asia Tenggara. (33)
	<ul style="list-style-type: none"> • Kegiatan ekonomi berasaskan pertanian • Terletak dikawasan tanah subur, lembangan sungai dan kawasan pedalaman.
	Ciri-ciri kerajaan yang disebutkan diatas adalah berkaitan dengan kerajaan
	A Maritim
	B Agraria
	C Melayu Melaka
	D Srivijaya
4	Masyarakat Agraria menjalankan kegiatan pertanian secara tetap dan juga menternak binatang. Apakah hasil utama pertanian mereka? (33)
	A Padi huma, padi sawah dan ubi taro
	B Padi sawah, padi huma dan ubi keladi
	C Gandum, padi sawah dan ubi keladi
	D Ubi taro, gandum dan padi huma.
5	Kerajaan Funan wujud pada abad pertama masihi. Antara berikut yang manakah ciri-ciri kerajaan tersebut? (33)
	I Raja yang pertamanya ialah Raja Suryavarman
	II Mempunyai bandar pelabuhannya di Oc-Eo

	III Membina empangan, terusan dan takungan air
	IV Rajanya mempunyai kuasa mutlak dan dianggap sebagai Devaraja.
	A I dan II
	B I dan III
	C II dan III
6	Kerajaan Angkor merupakan sebuah kerajaan agraria. Bilakah kerajaan ini diasaskan? (33)
	A Abad pertama masihi
	B Abad ketujuh masihi
	C Abad kelima masihi
	D Abad keenam masihi
7	Kerajaan Angkor telah membina sebuah kolam air besar yang boleh menampung 30 juta meter padu air. Apakah nama kolam air tersebut? (34)
	A Empangan
	B Saliran
	C Baray
	D Takungan air
8	Apakah yang dimaksudkan dengan 'Kurung Bnam' ? (34)
	A Raja-raja berkuasa mutlak
	B Raja-raja berkuasa sakti
	C Raja-raja bersifat ketuhanan
	D Raja-raja gunung
9	Agama utama Kerajaan Angkor ialah agama Hindu Budha. Apakah bukti anda berkata demikian? (33)
	A Wujudnya Borobudur
	B Wujudnya Lembah Bujang
	C Wujudnya Angkor wat
	D Wujudnya patung Buddha
10	Kerajaan Funan dan Angkor adalah dua buah kerajaan Agraria. Di manakah kedua-dua buah kerajaan ini terletak? (33)
	A Di Lembah Mekong
	B Di Dataran Kedah
	C Di Lembah Menom Chao Phraya
	D Di Lembah Sungai Merah

11	Apakah tujuan masyarakat Agraria membina empangan dan saluran? (33)
	A Untuk menangkap ikan
	B Untuk bercucuk tanam
	C Untuk minum dan bekalan hidup
	D Untuk kegiatan pertanian dan menternak binatang
12	Kerajaan Angkor pernah mencapai zaman kegemilangan. Pada zaman pemerintahan siapakah kerajaan Angkor mencapai zaman kegemilangannya ? (33)
	A Suryavarman II
	B Kaundinya
	C Devaraja
	D Guatama
13	Apakah nama tasik yang dibina pada abad kesepuluh Masihi? (35)
	A Angkor Wat
	B Tonle Sap
	C Baray
	D Empangan
14	Apakah kegiatan terpenting kerajaan Maritim? (34)
	A Perikanan
	B Perdagangan
	C Perkapalan
	D Pertanian
15	Di manakah terletak Pusat pentadbiran Kerajaan Maritim? (34)
	A Tertumpu di kawasan sekitar tasik
	B Tertumpu di kawasan tanah subur
	C Tertumpu di kawasan muara sungai
	D Tertumpu di kawasan pedalaman
16	Kawasan aktiviti perdagangan kerajaan maritim meliputi kawasan sekitarnya, serantau, perdagangan dan entrepot. Apakah fungsi pelabuhan entrepot ? (35)
	A Menyimpan barangan
	B Pusat mengumpul dan mengedarkan barang
	C Pusat perhimpunan pedagang
	D Pusat pengeluaran perdagangan

17	Barangan di atas amat diperlukan oleh pedagang dari China, India, Arab dan eropah. Di manakah barangan tersebut diperolehi? (35)
	A Kawasan pedalaman Burma
	B Kawasan pergunungan Korat, Thailand
	C Sekitar tasik Tonle Sap
	D Kawasan pedalaman gugusan Kepulauan Melayu
18	Apakah antara faktor yang mendorong setiap pelabuhan pelabuhan maritim menjadi terkenal? (35)
	I Menyediakan kemudahan air, makanan dan penginapan
	II Menyediakan kemudahan pertukaran matawang
	III Menyediakan gudang dan tempat menyimpan barang
	IV Menyediakan tempat tinggal yang tetap
	A I dan II
	B I dan III
	C II dan III
	D III dan IV
19	Kerajaan maritim sangat bergantung kepada sungai. Apakah fungsi sungai kepada kerajaan maritim? (35)
	A Sebagai sumber air kepada penduduk
	B Sebagai sumber makanan kepada penduduk iaitu ikan
	C Sebagai tapak pembinaan perniagaan
	D Sebagai laluan perdagangan ke kawasan pedalaman
20	Antara berikut yang manakah kemahiran yang perlu ada bagi seorang rakyat kerajaan maritim. (35)
	I Kemahiran belayar
	II Kemahiran membina dan membaiki kapal
	III Kemahiran membina pengairan
	IV Kemahiran membina terusan
	A I dan II
	B I dan III
	C II dan III
	D III dan IV

21	Apakah yang dinyatakan oleh sumber sanskrit tentang Champa pada tahun 400 masihi? (36)
	A Diterajui oleh Guatama
	B Diterajui oleh Chu-Lien
	C Diterajui oleh Inderapura
	D Diterajui oleh Bhadravarnom
22	Pelabuhan terkenal bagi Kerajaan Champa ialah Inderapura
	Apakah yang dilakukan oleh Kerajaan Champa untuk memajukan perdagangannya ? (36)
	A Melantik Syahbandar
	B Melantik pegawai kastam
	C Melantik pegawai tentera
	D Melantik pegawai pemungut cukai
23	<ul style="list-style-type: none"> Diasaskan oleh Chu-Lien Dipengaruhi agama Hindu <p>Maklumat di atas berkaitan dengan Kerajaan X. Apakah kerajaan tersebut? (36)</p>
	A Chih Tu
	B Srivijaya
	C Champa
	D Funan
24	Kerajaan Champa
	Siapakah yang menjadi pengasas kerajaan di atas? (36)
	A Chu-Lien
	B I-Ching
	C Chih Tu
	D Cheh Cha

25	Kerajaan Srivijaya menjadi pusat pertukaran barangan antara China, India, dan Barat
	Pernyataan di atas menerangkan pelabuhan Srivijaya. Bagaimanakah kerajaan tersebut mendapat bekalan barang dagangnya? (38)
	I Meluaskan empayar
	II Mengamalkan dasar monopoli
	III Memajukan kegiatan pertaian
	IV Menjalinkan hubungan dengan penduduk pedalaman
	A I dan II
	B II dan III
	C III dan IV
	D I dan IV
26	Pegawai pemungut cukai
	Kerajaan apakah yang terdapat jawatan di atas dalam struktur pentadbirannya? (36)
	A Kerajaan Funan
	B Kerajaan Champa
	C Kerajaan Angkor
	D Kerajaan Majapahit
27	Dalam catatan I-Ching, apakah maksud Chih Tu? (37)
	A Tanah merah
	B Tanah bebas
	C Tanah subur
	D Tanah emas
28	Siapakah yang membantu raja dalam hal ehwal pentadbiran dalam kerajaan Chih Tu ? (37)
	A Tiga orang menteri
	B Seorang menteri
	C Seorang bendahara
	D Empat orang pegawai pentadbir

29	Dalam kerajaan Srivijaya, siapakah yang menjadi perantara antara raja dan rakyat? (38)
	A Menteri
	B Bendahara
	C Ketua kampung
	D penghulu
	Terdapat tiga pentadbiran dalam Kerajaan Srivijaya
30	Berdasarkan pernyataan di atas, di manakah maklumat tersebut diperoleh? (38)
	A Batu Bersurat, Terengganu
	B Batu Bersurat Telaga Batu
	C Di sekitar daerah
	D Kertas yang ditampal sepanjang jalan
31	<ul style="list-style-type: none"> • Raja di Gunung • Maharaja di Pulau
	Maklumat di atas berkaitan dengan (38)
	A Kerajaan Srivijaya
	B Kerajaan Majapahit
	C Kerajaan Chih Tu
	D Kerajaan Kedah Tua
32	Apakah yang dilakukan oleh Kerajaan Champa untuk memajukan perdagangannya ? (36)
	A Melantik Syahbandar
	B Melantik pegawai kastam
	C Melantik pegawai tentera
	D Melantik pegawai pemungut cukai
33	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Champa ditadbir oleh 14 dinasti. • Menerima pengaruh X pada
	Berdasarkan maklumat di atas, X ialah (36)
	A India
	B Melaka
	C China
	D Srivijaya

34	<ul style="list-style-type: none"> • Diasaskan oleh Raja Guatama pada abad keenam Masihi • Diketuai oleh seorang raja yang berkuasa mutlak
	Apakah kerajaan di atas ? (37)
	A Chih Tu
	B Srivijaya
	C Kedah Tua
D Majapahit	
35	Jika anda ingin berdagang di Champa, anda hendaklah singgah di pelabuhan. (36)
	A Jambi
	B Oc-Eo
	C Indrapura
	D Sungai mas
36	Menurut catatan I-Ching, Chih Tu dikenali sebagai (37)
	A Lo-Yeh
	B Tan –tan
	C Kelantan
	D Tanah Merah
37	Walaupun Raja Gautama berkuasa mutlak, pentadbiran baginda dibantu oleh (37)
	A Pemungut cukai
	B Panglima tentera
	C Tiga orang menteri
	D Golongan bangsawan
38	Srivijaya telah menguasai Selat Melaka, Selat Sunda, dan Laut Jawa
	Pernyataan di atas menunjukkan jajahan takluk Srivijaya? Apakah keuntungan menguasai kawasan perairan tersebut (38)
	A Menguasai pengeluaran
	B Mengukuhkan pertahanan
	C Mengatasi ancaman lanun
D Mengawak kegiatan perdagangan	
39	<ul style="list-style-type: none"> • Raja berkuasa mutlak • Raja dibantu oleh tiga orang menteri dalam pentadbiran

		Sistem pemerintahan kerajaan Chih Tu mendapat pengaruh dari (37)
	A	Kerajaan Angkor
	B	Kerajaan Champa
	C	Kerajaan Srivijaya
	D	Kerajaan Majapahit
40		Bagaimanakah kerajaan Srivijaya dapat membekalkan barang dagangan yang mencukupi untuk memenuhi permintaan perdagangan asing? (38)
	A	Menjalankan dasar ekonomi bebas
	B	Menjalankan dasar perluasan kuasa
	C	Mnejalankan dasar tanaman paksa
	D	Menjalankan dasar monopoli perdagangan
41		Kedah Tua diberi gelaran Kataha merupakan kaerajaan awal di (39)
	A	Nusantara
	B	Indonesia
	C	Asia Tenggara
	D	IndoCina
42		Cheh Cha juga digelar kepada Kedah Tua oleh seorang penulis dari China. Siapakah penulis itu? (39)
	A	Cheng Ho
	B	I-Ching
	C	Hang Li Po
	D	Parameswara
43		Kerajaan ini diasaskan pada kurun ke 5 masihi dan perlabuhan utamanya ialah Lembah Bujang Dipengaruhi oleh ugama Buddha dan Hindu.Kerajaan itu di kenali (39)
	A	Agaria
	B	Maritim
	C	Srivijaya
	D	Kedah Tua
44		Pengareuh agama Hindu –Buddha dapat di buktikan dengan peninggalan candi di satu lembah di (39)
	A	Lembah nil
	B	Lembah mas

	C	Lembah sungai
	D	Lembah Bujang
45		Pedagang-pedagang akan singgah di pelabuhan Sungai Mas dan Lembah Bujang berpandukan gunung jerai,nyatakan pedagang-pedagang yang terlibat(39)
	A	Arab, Parsi, India dan Sri Lanka
	B	Arab, India, Indonesia
	C	Arab , Parsi, India
	D	Arab, India , Sri Lanka
46		Kenapakah kerajaan Kedah Tua menjadi pengeluar padi yang utama? (39)
	A	Mempunyai tanah yang berbukit-bukit
	B	Mempunyai bentuk bumi yang rata
	C	Mempunyai sungai yang banyak
	D	Mempunyai penduduk yang rajin
47		Penemuan wang perak , manik serta kaca pada zaman pemerintahan Sultan Al- Mutawakil meunjukkan zaman(39)
	A	Kemosotan kerajaan Kedah Tua
	B	Kesederhanaan Kerajaan Kedah Tua
	C	Kegemilangan kerajaan Kedah Tua
	D	Kehebatan Kerajaan Kedah Tua.
48		Majapahit melaksanakan sistem pentadbiran yang berasaskan Undang-undang (41)
	A	Manu
	B	Kasta
	C	Diktator
	D	Demokrasi
49		Kegemilangan kerajaan Majapahit adalah semasa pemerintahan Hayam Wuruk yang dibantu oleh Perdana Menteri yang bernama (41)
	A	Tun Perak
	B	Kataha
	C	Patih Gajah Mada
	D	Cheh -Cha
50		Kerajaan majapahit menerima pengaruh Hindu Buddha dibawah raja yang bernama Raden Wijaya yang mengamalkan (41)
	A	Konsep Devaraja
	B	Konsep manu
	C	Konsep demokrasi

	D	Konsep Diktator
51	Perkara penting dalam pemerintahan negara dalam sejarah pembentukan kerajaan awal di Asia Tenggara adalah	
	I	Keamanan ,semangat bermasyarakat
	II	Kesetian, bersatu padu dan harmoni
	III	Kebanggaan, muhasabah
	IV	Kemampuan dan penting diri
	A	I dan II
	B	I dan IV
	C	II dan III
	D	III dan IV
52	Penemuan duit perak pada zaman pemerintahan Sultan Al-Mutawakil membuktikan bahawa Lembah Bujang menjadi pelabuhan entrepot. Apakah fungsi pelabuhan entrepot?	
	I	Pusat pertukaran barang-barang dan tempat persinggahan pelayar dari Arab, Parsi, India , dan Sri Lanka sebelum meneruskan pelayaran keTimur.
	II	Menjadi pusat perdagangan hasil tempatan.
	III	Menjadi tempat memindah barang untuk jualan pedagang.
	IV	Membolehkan pedagang –pedagang bertukar fikiran.
	A	I dan II
	B	I dan IV
	C	II dan III
	D	III dan IV
53	Namakan pelabuhan utama Majapahit yang menjadi tempat perdagangan utama pada abad ke 15?	
	A	Kataha dan Temasik
	B	Kedah Tua dan Lembah Bujang
	C	Selat Melaka dan Selat Sunda
	D	IndoCina dan Gajah Mada
54	Kenapa Raja Majapahit dianggap Devaraja ?	
	A	Kerana Raja adalah orang mulia.
	B	Kerana dianggap menjadi wakil dewa untuk memimpin manusia
	C	Kerana Raja dianggap orang hartawan
	D	Kerana Raja boleh menolong rakyat.

55	Ia merupakan sumber bertulis yang menjelaskan perana hakim membicarakan kes-kes awam. Apakah undang-undang tersebut?	
	A	Undang-undang Malaysia.
	B	Undang-undang Raja.
	C	Undang-undang Mahadeva
	D	Undang-undang Manu.
56	Kegemilangan kerajaan Majapahit semasa pemerintahan Hayam Wuruk ataupun dikenali dengan	
	A	Raja Raden
	B	Raja Wijaya
	C	Raja Senagara
	D	Patih Gajah Mada
57	Mengapakah Pelabuhan Kedah Tua menjadi pilihan utama pedagang asing?	
	A	Kebajikan pedagang dijaga
	B	Penyebraran agama Islam
	C	Kedudukannya di pertengahan Selat Melaka.
	D	Pelabuhan entrepot.
58	Tapak Candi Bukit Batu Pahat di Lembah Bujang membuktikan bahawa kerajaan Kedah Tua dipengaruhi oleh agama	
	A	Hindu
	B	Buddha
	C	Islam
	D	Hindu Buddha
59	Perdana Menteri Majapahit menjalankan kerja pentadbiran negara dibantu oleh	
	A	8 orang pembantu
	B	6 orang pembesar
	C	4 orang panglima
	D	4 orang menteri
60	*Kataha(Kedah Tua) *Temasik Perkataan di atas adalah berkaitan dengan nama sebuah ----- semasa pemerintahan Kerajaan Majapahit. (41)	
	A	Perumahan

	B	Pelabuhan
	C	Pesinggahan
	D	Penempatan